

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 34  
No. 13

21hb Jun 1990

TAMBAHAN-  
No. 2

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 11hb Jun 1990).*

Housing Loans Fund (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 11th June 1990).*

Akta Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) 1990—  
*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 11hb Jun 1990).*

Supplementary Supply (1989 and 1990) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 11th June 1990).*

Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 1990—*(Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 11hb Jun 1990).*

Industrial Relations (Amendment) Act 1990—*(Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 11th June 1990).*

RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suata Akta bagi meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

BAHAWASANVA tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam di Malaysia telah diambil dan tindakan selanjutnya yang serupa diancam oleh sekumpulan besar orang di dalam dan di luar Malaysia;

DAN BAHAWASANYA Parlimen berpendapat adalah perlu dihentikan tindakan itu;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 149 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Iangkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 1990. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Iangkah Pencegahan Khas) 1985, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda, dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan-perkataan "dari tarikh perintah itu". Pindaan seksyen 6. Akta 316.

Pindaan  
seksyen 6A.

3. (1) Seksyen 6A Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen 6A sebagai subseksyen (1) seksyen 6A; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut:

"(2) Tiada perintah tahanan bam atau perintah sekatan baru yang disebut dalam subseksyen (2) seksyen 11B boleh menjadi tak sah atau tak berkuatkuasa oleh sebab tiada laporan baru telah dikemukakan di bawah subseksyen (3) seksyen 3 dan subseksyen (4) seksyen 5 atau perintah tahanan atau perintah sekatan itu telah dibuat atas alasan yang sama seperti perintah tahanan atau perintah sekatan yang terdahulu."

(2) Subseksyen (2) seksyen 6A Akta ibu, yang telah dimasukkan melalui subseksyen (1), hendaklah disifatkan telah menjadi suatu bahagian integral seksyen itu mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya seksyen itu.

Pindaan  
seksyen HB.

4. Seksyen HB Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan-perkataan "perintah baru atau memberi arahan baru sebagaimana yang disebut dalam subseksyen (1)" dengan perkataan-perkataan "perintah tahanan baru di bawah subseksyen (1) seksyen 6 atau perintah sekatan baru di bawah subseksyen (3) seksyen 6 atau memberikan arahan baru di bawah subseksyen (1) seksyen 11A".

Pengesahan  
perintah  
tahanandan  
penahanan,  
dan tanggung  
rugi.

5. (1) Jika sesuatu perintah tahanan telah dibuat di bawah subseksyen (1) seksyen 6 Akta ibu terhadap mana-mana orang semasa tempoh di antara tarikh mula berkuatkuasanya Akta ibu dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini (kemudian daripada ini disebut "tempoh peralihan"), maka perintah tahanan itu dan penahanan yang dibuat menurutnya semasa tempoh peralihan itu, dan penerusannya selepas itu, jika ada, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai sah dan menurut

undang-undang, dan hendaklah disifatkan sebagai, dan telah sentiasa dan pada setiap masa, sah dan menurut undang-undang walaupun—

- (a) tempoh yang telah diarahkan oleh perintah itu supaya orang itu ditahan telah bermula dari suatu tarikh yang lain daripada tarikh perintah itu dibuat; atau
- (b) perintah tahanan itu ialah suatu perintah tahanan baru yang dibuat selepas pembatalan suatu perintah tahanan terdahulu terhadap orang itu.

(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan, atau apa-apa jua presiding undang-undang lain daripada apa-apa perihalan atau dalam apa-apa bentuk, boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini atau, jika dibawa atau dimulakan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, terus dikekalkan, bagi atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa jua yang dilakukan dengan sahnya berhubungan dengan perintah tahanan atau penahanan yang diisytiharkan sebagai sah dan menurut undang-undang di bawah subseksyen (1), kecuali bahawa peruntukan-peruntukan subseksyen ini tidaklah terpakai bagi apa-apa presiding undang-undang sedemikian yang telah selesai dan keputusan muktamad mahkamah berkenaan dengannya telah diberikan sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini, atau bagi apa-apa rayuan berkenaan dengan keputusan muktamad itu.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini diperbuat di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 (yang disebut "Akta" dalam Huraian ini).

2. Subseksyen (1) seksyen 6 Akta memberikan kuasa kepada Menteri membuat suatu perintah tahanan mengarahkan seseorang ditahan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dari tarikh perintah itu. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen itu dengan memotong perkataan-perkataan "dari tarikh perintah itu", supaya selaras dengan undang-undang lain yang seumpama dengannya.

3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan subseksyen baru (2) ke dalam seksyen 6A Akta. Subseksyen bam ini memperuntukkan bahawa jika sesuatu perintah tahanan baru atau perintah sekatan baru dibuat selepas suatu perintah tahanan atau perintah sekatan terdahulu dibatalkan, maka perintah baru itu adalah sah walaupun tiada laporan baru telah dikemukakan di bawah subseksyen (3) seksyen 3 dan subseksyen (4) seksyen 5 Akta atau perintah baru itu dibuat berdasarkan alasan yang sama dengan perintah yang terdahulu.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 1 IB Akta untuk menjadikan jelas bahawa "perintah baru" yang disebut dalam subseksyen itu ialah perintah baru di bawah subseksyen (1) atau subseksyen (3) seksyen 6 Akta dan bahawa "arahan baru" yang disebut dalam subseksyen itu ialah arahan baru di bawah subseksyen (1) seksyen 1 I A Akta.

5. *Fasal 5 (1)* bertujuan mengesahkan apa-apa perintah tahanan yang dibuat, dan apa-apa penahanan yang dibuat menurut perintah itu, selepas mula berkuatkuasanya Akta tetapi sebelum mula berkuatkuasanya pindaan yang dicadangkan ini jika perintah tahanan itu telah berkuatkuasa dari suatu tarikh yang lain daripada tarikh perintah itu dibuat atau jika perintah tahanan itu ialah suatu perintah tahanan baru yang dibuat selepas pembatalan suatu perintah tahanan terdahulu.

*Fasal 5 (2)* bertujuan melarang apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau apa-apa presiding undang-undang lain diambil, dimulakan atau dikekalkan berkenaan dengan apa-apa perintah tahanan atau penananan yang disahkan di bawah fasal 5 (1). Larangan ini, bagaimanapun, tidak terpakai bagi apa-apa presiding undang-undang jika mahkamah telah memberikan keputusan muktamadnya sebelum mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini, atau jika adarayaan berkenaan dengan keputusan itu,

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1604.]